SPEECH BY YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI/MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK HUSSEIN ONN FOR THE BREAKING-THE-SOIL CEREMONY OF SYARIKAT MALAYSIA SHIPYARD & ENGINEERING SDN. BHD. AT PASIR GUDANG ON THE 18TH NOVEMBER, 1973 AT 10.00 A.M.

YM Raja Tan Sri Mohar
Chairman, Malaysian Shipyard and
Engineering Sendirian Berhad,

YAB Datuk Menteri Besar Johor,

YB Ahli Majlis Kerajaan Negeri,

Ladies and Gentlemen,

1. It gives me great pleasure to be here at Pasir Gudang to witness breaking-the-soil ceremony of Syarikat Malaysia Shipyard & Engineering Sdn. Bhd. To-day's ceremony is indeed significant for both your company as well as for the progress of industrial development in Malaysia.

2. This project which is a joint venture between the Malaysian Government, Sumitomo Sjipbuilding & Machinery Company of Japan, International Maritime Carriers (Overseas) Ltd., and Kuok Brothers Sdn. Bhd., will be the first major modern shipyard in Malaysia equipped with the latest machinery and technology. I am told that two dry docks of 80,000 DWT and 400,000 DWT and other ancillary facilities will be constructed and the company will undertake, initially, ship repairing and the construction of other engineering works and small crafts. It intends to commence shipbuilding after the fifth year of operation. This phased development will enable the project to develop sufficient

skills and train enough Malaysian personnel before it goes into shipbuilding itself.

3. I am happy to say that Malaysia is in fact very fortunate in getting Sumitomo Shipbuilding & Machinery Company Ltd. which has well over 70 years of experience in the field of shipbuilding and ship repairing not only to participate as a joint-venture partner but also to provide technical services and technical assistance and training for the construction and the operation of the project. This, I feel, represents another milestone in the Japanese/Malaysian economic and technical cooperation.

4. This impressive project costing over $100 million with an authorised capital of $30 million also represents the merging of complementary interest towards the goal of national economic development. The Government's 50% equity interest is in conformance with the new economic policy of direct public sector participation in strategic industries requiring heavy capital and long gestation period.

5. It is widely recognised that ship repairing industry when developed will have a strong multiplier effect for the establishment of other ancillary industries. Many different kinds of products are required and these products are manufactured by many different industries.

I understand that over a thousand different products are required for this industry and the shipyard can therefore lead to the development of ancillary industries making some of the products in the country.

6. I can therefore, safely predict that the establishment of the shipyard, because of the multiplier effect associated with such an investment, will generate substantial social and economic benefit to the country in general and to Pasir Gudang in particular.

7. Another direct benefit arising from this investment is the creation of substantial employment opportunities and the injection of

special skills and production technique to the local population. The shipyard is expected to employ 850 Malaysians and 120 foreign personnel in the first year of operation and this, I am told, will reach 1,580 Malaysians and 30 foreign personnel by the fifth year of operation. This means a gradual and steady income in the transfer of jobs from the foreign personnel to Malaysians.

8. The Government recognising the fact that the ship repairing industry will require a large number of highly skilled artisans and technicians will establish a technical training school for this purpose.

The technical training school will be established under the auspices of the Government. In addition to the local training of staff, a suitable and realistic training programme in Japan and other countries abroad will be introduced so that eventually the project will be mainly manned by Malaysians.

9. As you are aware, by its very nature a shipyard's repair sales will cater mainly for the international market and this project will therefore also play an important role as a foreign exchange earner for the country. Net foreign exchange earnings are expected to reach 35 million dollars in the fifth year of operation.

In addition, the shipyard also provides repair facilities for our own ships.

10. For sometime now I have been watching the development of Pasir Gudang and the success which it has achieved in attracting industrialists. I hope the establishment of the shipyard will provide a growth point and will further accelerate the development of Pasir Gudang.

11. Before I declare the breaking-the-soil ceremony to begin, I would like to wish the company every success.

No. Siri ..............................

No. Penerimaan ........................

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/4

No. Siri 574
No. Penerimaan 84/79

UCAPAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI/ MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK HUSSEIN ONN DALAM UPACARA MEMECAH TANAH MALAYSIAN SHIPYARD DAN ENGINEERING SENDIRIAN BERHAD DI KAWASAN PERUSAHAAN PASIR GUDANG, JOHOR PADA 18HB NOVEMBER, 1973 PUKUL 10.00 PAGI.

YM Raja Tan Sri Mohar,
Pengerusi, Malaysian Shipyard dan
Engineering Sendirian Berhad,

YAB Datuk Menteri Besar Johor,

YB Ahli Majlis Kerajaan Negeri,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

1. Saya merasa sukacita kerana dapat hadir di tengah-tengah kawasan perusahaan Pasir Gudang dan melakukan Upacara Memecah Tanah bagi syarikat ini. Upacara pada pagi ini mempunyai arti yang besar kepada saya oleh sebab kawasan ini merupakan satu kawasan perusahaan yang akan jadi terkemuka dan secara kebetulan ia terletak dalam kawasan pilihanraya saya.

Oleh yang demikian, sebarang rancangan pembangunan yang akan dijalankan di sini mempunyai arti yang besar bagi Negeri Johor khasnya, saya sendiri amnya. Demikian jugalah Upacara pada pagi ini mempunyai kesan-kesan yang dalam, bukan saja kepada syarikat ini yang menjadi printis satu perusahaan terbesar, yang julung kali diadakan, tetapi juga terhadap kemajuan perusahaan di Malaysia.

2. Sukacitalah saya menyatakan bahawa projek ini ialah satu usaha bersama di antara Kerajaan Malaysia, Sumitomo Shipbuilding & Machinery Company of Japan, International Maritime Carriers (Overseas) Ltd. dan Kuok Brothers Sendirian Berhad, Johor.

Ini juga merupakan satu perkembangan dalam projek pembinaan kapal yang terbesar dan moden di Malaysia yang bakal dilengkapkan dengan alat jentera jenis moden serta teknoloji yang terbaharu.

3. Saya diberitahu di bawah rancangan syarikat ini, dua buah 'dry dock' yang boleh memuat kapal 80,000 tan dan 400,000 tan DWT serta kemudahan-kemudahan lain akan diadakan. Syarikat ini, pada peringkat permulaan, akan menjalankan usaha membaiki kapal serta juga menjalankan projek-projek kejuruteraan di samping membina kapal-kapal kecil. Rancangan membina kapal-kapal besar akan dimulakan setelah lima tahun supaya membolehkan syarikat

mengumpulkan tenaga kemahiran yang tertentu, khasnya di kalangan rakyat bumiputra serta melatih pegawai-pegawai warganegara Malaysia.

4. Saya juga sukacita kerana Malaysia berjaya mendapat kerjasama serta perkhidmatan ikhtisas dari Sumitomo Shipbuilding & Machinery Company yang mempunyai pengalaman lebeh 70 tahun dalam pembinaan dan memperbaiki kapal. Sumitomo bukan saja menyertai projek ini dalam satu usahasama, tetapi juga memberikan perkhidmatan dan panduan teknik serta latihan dalam usaha membina projek perkapalan ini. Perkembangan ini adalah satu kemajuan yang besar dalam kerjasama teknik dan ekonomi Kerajaan Malaysia dan Jepun.

Tuan-tuan sekalian,

5. Projek yang sangat besar dan menakan belanja sebanyak $100 juta di samping modal syarikat yang diluluskan sebanyak $30 juta, merupakan satu usaha bersekutu yang menuju kepada perkembangan ekonomi negara yang lebih besar yang sangat dicita-citakan oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara perusahaan. Penyertaan Kerajaan iaitu sebanyak 50 peratus daripada modal yang diluluskan merupakan satu langkah yang sejajar dengan dasar ekonomi baru yang memerlukan penyertaan bahagian awam dalam projek-projek terbesar yang memerlukan modal banyak serta mengambil masa yang lama.

6. Memanglah diakui bahawa perusahaan membina dan memperbaiki kapal apabila telah dimajukan sepenuhnya akan diikuti dengan perkembangan-perkembangan perusahaan-perusahaan lain yang berkaitan dengan perusahaan kapal. Banyak jenis bahan-bahan yang dikehendaki dalam perusahaan membina kapal ini dan yang demikian, barang-barang tersebut bolehlah dibekalkan oleh perusahaan-perusahaan yang akan bergabung di samping perusahaan induk ini. Saya mendapat tahu lebih daripada 1,000 jenis bahan alat dikehendaki sebagai melengkapkan perusahaan yang besar ini dan yang demikian, limbungan kapal yang bakal dibina kelak akan menggalakkan perkembangan perusahaan lain

yang sudah tentu akan memberi kesan-kesan besar terhadap perkembangan ekonomi negara seluruhnya.

7. Oleh yang demikian, saya dapat meramalkan bahawa dengan pembinaan limbungan kapal ini, dan dengan perkembangan perusahaan yang berikutan dengannya akan memerlukan penanaman modal yang lebih besar dan dengan itu pula akan dapat menggiat perkembangan ekonomi dan sosial negara khasnya di kawasan perusahaan Pasir Gudang dan rakyat yang tinggal disekitarnya.

8. Satu lagi faedah yang bakal timbul daripada penanaman modal ini ialah banyaknya

peluang-peluang pekerjaan yang akan muncul serta juga kemahiran-kemahiran yang dapat diberikan kepada penduduk-penduduk setempat. Limbungan kapal ini, pada peringkat awal, akan dapat memberi pekerjaan kepada 850 orang warga negara Malaysia dan kira-kira 120 orang warga negara asing. Apabila ia berkembang, iaitu pada peringkat perjalanan di tahun yang kelima, ia akan boleh memberi pekerjaan sebanyak 1,580 orang kepada warganegara Malaysia dan 30 orang warganegara asing. Ini berartilah bahawa ada tersusun rancangan secara beransur-ansur memberikan kemudahan-kemudahan dan kemahiran kepada warganegara Malaysia.

9. Di samping itu, pihak Kerajaan, setelah menyedari bahawa rancangan membaiki kapal memerlukan kakitangan yang mahir serta juga ahli-ahli teknik terlatih akan mengadakan satu sekolah latihan teknik untuk tujuan ini. Dan sekolah latihan teknik ini akan didirikan di bawah kelolaan Kerajaan. Di samping memberikan latihan kepada kakitangan di negeri ini, satu program latihan yang sesuai dan realistik akan juga diadakan di Jepun dan negara-negara lain, supaya pada akhirnya, seluruh rancangan ini akan diusahakan dengan tenaga rakyat Malaysia sendiri.

10. Sebagaimana yang termaklum, dan sesuai dengan perkembangan perusahaan memperbaiki

kapal, pasaran jualannya sudah tentulah ditumpukan kepada pasaran antarabangsa dan dengan itu, rancangan ini akan dapat memberikan pendapatan matawang asing yang lebih banyak bagi negara ini.

11. Adalah dijangka bahawa pada tahun kelima, syarikat ini akan dapat membawa masuk kira-kira 35 juta ringgit matawang asing dan di samping itu limbungan kapal ini akan dapat pula memberikan kemudahan-kemudahan memperbaiki kapal pada kapal kita sendiri.

12. Semenjak beberapa bulan yang lepas, saya telah meneliti akan perkembangan di Pasir Gudang serta juga kemajuan-kemajuan yang telah dicapai bagi menarik pelaburan modal

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/u

No. Siri 574
No Penerimaan 84/79